



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

#### CRADLE TERIMA ANUGERAH SES 2024: PENCAPAIAN EKOSISTEM STARTUP MALAYSIA DIKTIRAF

**PARIS, 13 Disember 2024** — Cradle Fund Sdn Bhd (Cradle), agensi fokal bagi ekosistem startup Malaysia, telah dinobatkan sebagai *Startup Ecosystem Star for 2024* semasa *Startup Ecosystem Awards* (SES 2024) pada 9 Disember 2024 yang lepas. Anugerah berprestij anjuran International Chamber of Commerce (ICC) dan Mind the Bridge tersebut bertujuan untuk mengiktiraf entiti yang memacu inovasi dan keusahawanan di peringkat global.

Pencapaian Cradle meraih anugerah “*Best-in-class Startup Programs*” bukan sahaja mengiktiraf prestasi agensi itu tetapi juga meraikan komuniti startup Malaysia dalam usaha sama kolektif untuk berdaya saing di peringkat global. Anugerah ini memberi penekanan terhadap program-program berimpak tinggi yang memupuk pelaburan, membangunkan bakat dan menggalakkan kerjasama industri yang mana menjadi tonggak penting dalam membina ekonomi yang berkembang pesat dan berinovasi.

**Norman Matthieu Vanhaecke, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle**, berkongsi pandangannya tentang pencapaian ini dengan berkata, “Anugerah ini milik semua pihak yang komited terhadap menjayakan keusahawanan Malaysia — Kerajaan, yang dipimpin oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Cradle, rakan korporat termasuk startup itu sendiri. Anugerah ini adalah bukti keupayaan, ketahanan dan kesungguhan usahawan di Malaysia yang terus giat berusaha seterusnya meningkatkan penanda aras inovasi di peringkat global.

Pengiktirafan ini lebih daripada sekadar anugerah; ia merupakan seruan untuk terus membangunkan ekosistem di mana startup bukan sahaja dilahirkan tetapi juga berkembang dan berjaya. Usaha memperkasa startup bukan hanya melalui pembiayaan tetapi juga dengan membina rangkaian sokongan yang membolehkan mereka berkembang dan bersaing di peringkat antarabangsa. Pengiktirafan ini mengukuhkan komitmen kami untuk menjadikan Malaysia antara 20 ekosistem startup terbaik dunia menjelang 2030,” tambah beliau.

**Maria Fernanda Garza, Pengurus Kehormat International Chamber of Commerce (ICC)**, turut memuji sumbangan Cradle dengan berkata, “Cradle berperanan sebagai teras inovasi dan pertumbuhan dalam ekosistem startup Malaysia. Melalui program pembiayaan dan program pembangunan kapasiti, Cradle telah menjadi pemangkin untuk membimbing startup peringkat awal, menyediakan bukan sahaja sokongan kewangan tetapi juga panduan strategik untuk mengubah idea menjadi usaha niaga yang berimpak.

ICC mengiktiraf komitmen berterusan Cradle dalam memperkasa inovator dan mewujudkan persekitaran yang kukuh untuk keusahawanan, membuktikan bahawa sokongan dedikasi mampu membuka potensi tanpa batas untuk kemajuan ekonomi dan sosial,” tambah Garza.

ICC, sebuah organisasi perniagaan global yang mewakili lebih daripada 45 juta syarikat di 170 negara memainkan peranan penting dalam memajukan perdagangan antarabangsa dan inovasi. Dengan kerjasama organisasi seperti Mind the Bridge, ICC merapatkan jurang antara startup, korporat dan pembuat dasar untuk memacu pembangunan ekosistem di seluruh dunia. Melalui perkongsian ilmu, pembangunan kapasiti dan kerjasama strategik, ICC dan Mind the Bridge membolehkan ekosistem untuk berkembang, memperkasa usahawan dan menggalakkan pertumbuhan yang mampan. Usaha ini penting dalam mewujudkan hab inovasi saling berkait yang mendorong pertumbuhan ekonomi dan menangani cabaran global.

Anugerah SES 2024 telah menobatkan 64 organisasi dari 36 negara termasuk ekosistem terkemuka di Eropah (47%), Asia (28%), Amerika Utara (12%), Afrika (5%), serta negara lain dari Oceania, Timur Tengah, dan Amerika Latin (LATAM). Pencapaian Cradle meletakkan Malaysia antara negara-negara utama ini, setanding dengan ekosistem inovasi terbaik dunia.

Sejak penubuhan pada tahun 2003, Cradle telah membangun lebih 1,100 startup, menyumbang lebih RM1 bilion secara kumulatif kepada impak KDNK. Platform perdananya, MYStartup, telah menghubungkan lebih 4,000 startup berdaftar dan menyokong lebih 17,000 individu serta organisasi sejak 2021. Pencapaian ini mencerminkan dedikasi Cradle dalam membangunkan ekosistem startup yang mampan dan dinamik.

Ketika Malaysia berusaha menjadi hab inovasi global, anugerah ini bukan sekadar pengiktirafan bagi Cradle tetapi juga kejayaan bersama bagi setiap usahawan, pemegang taruh dan organisasi yang bekerja keras untuk mengangkat kedudukan keusahawanan Malaysia di pentas dunia.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai ekosistem startup Malaysia, layari [www.cradle.com.my](http://www.cradle.com.my) dan sertai kami dalam memacu inovasi ke hadapan.

**#TAMAT#**

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**13 Disember 2024**



Norman (centre) received the Startup Ecosystem Star 2024 “Best-in-class Startup Programs” award, presented by Harry ‘Tomi Davies (left), President of the African Business Angel Network (ABAN), and Candace Johnson (right), Executive Board Member and Vice Chair Policy Commission for ICC.



**Maria Fernanda Garza,**  
Honorary Chair of International Chamber of Commerce (ICC).

## **Mengenai Cradle**

Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) ialah agensi fokal untuk ekosistem *startup* Malaysia yang diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada tahun 2003 dengan seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Cradle menyumbangkan kadar pengkomersialan tertinggi dalam kalangan geran kerajaan dengan lebih daripada 1,000 *startup* teknologi dibiayai. Cradle kini menawarkan dua geran baharu iaitu CIP Spark dan CIP Sprint, serta menyasarkan pembangunan idea dan pengkomersialan *startup* teknologi. Cradle juga merupakan peneraju utama bagi Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030, inisiatif MYStartup dan Angel Tax Incentive (ATIO). Produk yang ditawarkan oleh Cradle tidak hanya terhad kepada bantuan kewangan sahaja, tetapi juga termasuk sokongan pengkomersialan, bimbingan dan pelbagai perkhidmatan nilai tambah untuk memenuhi keperluan pelbagai usahawan masa kini. Visi dan misi Cradle selaras dengan aspirasi MOSTI iaitu untuk mewujudkan 5,000 *startup* menjelang 2025, melahirkan 10,000 pengekod dan menjadikan Malaysia antara 20 ekosistem *startup* terbaik dunia menjelang 2030. Untuk maklumat lanjut, layari [www.cradle.com.my](http://www.cradle.com.my).

## **Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Elmy Fairuz Azmi – [elmy@cradle.com.my](mailto:elmy@cradle.com.my) (+6012-271 3457)